

Malik dianugerah Putera Merdeka Pemuda UMNO

UM - 9 SEP 2003

IPOH 8 Sept. — Datuk Abdul Malik Mydin yang menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya berenang merentasi Selat Inggeris menerima anugerah Putera Merdeka daripada Pergerakan Pemuda UMNO di sini malam tadi.

Pengumuman itu dibuat selepas upacara perasmian Sukan Putera Merdeka Ipoh 2003 di Stadium Sultan Azlan Shah oleh Menteri Besar, Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Pergerakan Pemuda UMNO memberikan sumbangan wang tunai sebanyak RM10,000 kepada Malik sebagai menghargai sumbangan wira negara itu di dalam mengharumkan nama Malaysia.

Sebanyak empat acara sukan dipertandingkan iaitu bola sepak, sepak takraw, badminton dan boling yang disertai oleh lebih 1,400 ahli Pergerakan Pemuda UMNO dari seluruh negara.

Sukan Putera Merdeka adalah kali ketiga diadakan

dengan pertandingan pertama diadakan di Pahang pada tahun 2000 dengan diikuti Kedah dan Kelantan.

Sementara itu di dalam ucapannya, Mohd. Tajol Rosli berkata, kejayaan Abdul Malik harus dijadikan inspirasi oleh rakyat negara ini kerana semangat 'Malaysia Boleh' yang ditamam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, anak tempatan itu mencatat nama di persada dunia.